



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **26 Oct2021 (Tuesday)**

### **Berita Harian**

Ismail Sabri ketuai delegasi ke Sidang Kemuncak ASEAN	1
Ganabatirau mohon maaf secara terbuka	2
Kerajaan komited perkebang sektor eksport	3
Strategi pembangunan 5 tahun tingkat daya saing negara	4
'Bekas' Presiden POS buat laporan polis	5

### **Utusan Malaysia**

'Kami bukan penceroboh, kami ada geran'	6
---	---

### **Harian Metro**

Cuepacs mahu Adun Kota Kemuning memohon maaf	7
--	---

### **Sinar Harian**

Isu serang staf JPS: Ganabatirau minta maaf	8
---	---

### **Astro Arena**

Kerja Naik Taraf Stadium Dijangka Siap Seawal Tahun 2024	9
--	---

### **The Star**

Improving exports of merchandise	10
RECYCLING CENTRE	11
Hulu S'gor all set for further growth	12

### **China Press**

Workers clean up daily but the unscrupulous like to throw it away, the entrance to the park is not a rubbish dump	13
---	----

### **Sin Chew Daily**

Leong Tuck Chee team joints with fire brigade regularly inspect fire hydrants in Pandamaran village	14
---	----

### **Nanyang Siang Pau**

Participation welcomed for MDKL's Ops Gagak	15
---	----



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 26 October 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Ismail Sabri ketuai delegasi ke Sidang Kemuncak ASEAN
Muka Surat	:	2

# Ismail Sabri ketuai delegasi ke Sidang Kemuncak ASEAN

**Putrajaya:** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak ASEAN ke-38 dan ke-39 dan Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan pada 26 hingga 28 Oktober ini, melalui persidangan video.

Kementerian Luar dalam satu kenyataan hari ini, berkata Perdana Menteri akan diiringi Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah; Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, serta pegawai-pegawai kanan kerajaan dari Pejabat Perdana Menteri, Kementerian Luar Negeri dan MITI, ke sidang kemuncak itu yang dipengerusikan Brunei dengan tema "We Care, We Prepare, We Prosper."

Kenyataan itu menyebut, pe-

mimpin ASEAN dijangka membincangkan hala tuju ASEAN dan usaha membina komuniti ASEAN serta inisiatif utama ASEAN terhadap COVID-19 Sidang Kemuncak ASEAN ke-38 itu, manakala ketika Sidang Kemuncak ASEAN ke-39 pula, pemimpin ASEAN akan bertukar pandangan mengenai hubungan luar, isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan.

"Pemimpin ASEAN juga akan menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN CampurSatu dengan Pemimpin dari Australia, China, India, Jepun, Republik Korea, Rusia, Amerika Syarikat, Sidang Kemuncak ASEAN Campur Tiga dan Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS).

"Di sela-sela Sidang-sidang Kemuncak ASEAN, Perdana Menteri

akan diiringi oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, bagi menyertai Sidang Kemuncak Kawasan Pertumbuhan Timur ASEAN Brunei Indonesia-Malaysia-Filipina Ke-14 (Sidang Kemuncak BIMP-EAGA) dan Sidang Kemuncak Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand ke-13 (Sidang Kemuncak IMT-GT ke-13) pada 28 Oktober.

"Perdana Menteri akan memperkerusikan Sidang Kemuncak IMT-GT ke-13," kata kenyataan itu.

Kementerian Luar berkata, penyertaan Malaysia pada Sidang Kemuncak ASEAN pada kali ini mencerminkan komitmen yang teguh terhadap ASEAN terutamanya ketika rantau ini masih bergelut dengan cabaran berikutan pandemik COVID-19.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 26 October 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Ganabatirau mohon maaf secara terbuka
Muka Surat	:	20

### Ganabatirau mohon maaf secara terbuka

**Kuala Lumpur:** CUEPACS mendesak Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Kemuning, V Ganabatirau, untuk membuat permohonan maaf secara terbuka kepada semua penjawat awam, terutama kakitangan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Ia susulan tular video dalam media sosial menunjukkan EXCO Selangor itu didakwa memaki hamun kakitangan terbabit dalam satu kejadian.

Presiden CUEPACS, Adnan Mat, menegaskan pihaknya terkilan dengan tindakan Ganabatirau itu yang disifatkan sebagai tidak profesional dalam tugas, apatah lagi video tular berkenaan dikatakan dimuat naik sendiri oleh ADUN terbabit tanpa diketahui niat atau tujuan.

"CUEPACS menganggap tindakan ADUN Kota Kemuning mengeluarkan kata-kata kesat dan suara tinggi itu sangat keterlaluan, seolah-olah merendahkan penjawat awam sedang menjalankan tugas.

"Tambahan pula, penjawat awam terbabit dalam rakaman kejadian itu dilihat tidak diberi langsung peluang untuk menjelaskan permasalahan yang sedang berlaku.

"Sebagai anggota pentadbiran yang turut terbabit dalam urusan pentadbiran kerajaan negeri, beliau sewajarnya menyelesaikan permasalahan yang timbul menerusi rundingan secara terus dengan JPS negeri.

"Tindakan menularkan video itu seolah-olah mahu menunjukkan diri beliau sebagai 'hero' dengan meletakkan semua kesalahan kepada penjawat awam tanpa memberi peluang penjelasan diberikan kakitangan JPS terbabit," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sementara itu, Ganabatirau pada sidang media petang semalam memohon maaf secara terbuka berhubung tindakannya itu.

Beliau mengakui kesilapan itu dilakukannya selepas video beliau tular di laman sosial hingga mengundang kemarahan pelbagai pihak.

"Saya sedar bertindak kasar dan memohon maaf dengan sepenuh hati kepada pihak yang terbabit.

"Saya suarakan perkara ini bukan untuk menjadi hero, tetapi disebabkan berkhidmat sebagai wakil rakyat di kawasan itu," katanya.

Adnan berkata, Ganabatirau sewajarnya menggunakan saluran betul dalam menyuarakan pandangan ataupun masalah, dan bukan membuat serangan terbuka di lapangan serta media sosial.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>26 October 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Kerajaan komited perkembang sektor eksport
Muka Surat	:	36

## Kerajaan komited perkembang sektor eksport

**Kerajaan** komited menyediakan persekitaran yang membolehkan sektor eksport negara dapat berkembang dan kekal mapan dalam menghadapi cabaran luaran, demikian kata Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, dalam dunia global sekarang ini, perdagangan menjadi satu pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, negara yang mempunyai ekosistem mesra perniagaan paling mendapat manfaat daripada aktiviti perdagangan antarabangsa.

"Walaupun berdepan impak COVID-19, perdagangan Malay-

sia bagi lapan bulan tahun ini berkembang sebanyak 22.9 peratus kepada RM1.407 trilion berbanding tempoh sama 2020.

"Eksport meningkat sebanyak 24.9 peratus kepada RM778.49 bilion dan import meningkat 20.4 peratus kepada RM628.29 bilion. Lebihan dagangan meningkat sebanyak 48.2 peratus kepada RM150.20 bilion," katanya pada pelancaran Rangka Tindakan Perdagangan Nasional (2021-2025) secara maya di Kuala Lumpur, semalam.

Pelancaran rangka tindakan itu disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Mohamed Azmin berkata, negara akan terus berdepan caba-

ran terhadap daya saing eksport yang dipengaruhi oleh ketidakpastian ekonomi global yang merentasi pelbagai hala.

Justeru, beliau berkata, terdapat keperluan mendesak untuk bertindak balas secara segera terhadap ketidakpastian itu.

"Sementara promosi di peringkat nasional memainkan peranan yang berguna, negara juga memerlukan sokongan ekosistem perniagaan yang kukuh untuk terus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai negara pengeksport terkemuka.

"Bagi tujuan ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

(MATRADE), memulakan pembangunan Rangka Tindakan Nasional sebagai dokumen strategik untuk terus mengembangkan ekosistem perniagaan Malaysia dan meningkatkan daya saing eksport dalam pasaran global," katanya.

Rangka Tindakan Perdagangan Nasional menggariskan strategi dan inisiatif pembangunan lima tahun (2021-2025) untuk meningkatkan daya saing perdagangan Malaysia, khususnya dalam eksport barang dagangan.

Ia bertujuan untuk meletakkan Malaysia sebagai negara perdagangan yang dinamik dan terkemuka melalui pembangunan eksport yang mapan.

**Walaupun berdepan impak COVID-19, perdagangan Malaysia bagi lapan bulan tahun ini berkembang sebanyak 22.9 peratus kepada RM1.407 trilion berbanding tempoh sama 2020**

**Mohamed Azmin Ali,**  
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>26 October 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Strategi pembangunan 5 tahun tingkat daya saing negara
Muka Surat	:	36

Rangka Tindakan Perdagangan Nasional

# Strategi pembangunan 5 tahun tingkat daya saing negara

8 teras,  
40 cadangan  
bakal perkukuh  
kedudukan  
perdagangan  
Malaysia

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
 mahanum\_aziz@bh.com.my

Rangka Tindakan Perdagangan Nasional yang digariskan kerajaan dan dilancarkan semalam akan meningkatkan daya saing perdagangan Malaysia dan mengukuhkan kedudukan negara sebagai pengeksport terunggul, demikian kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, rangka tindakan itu menggariskan strategi dan inisiatif pembangunan lima tahun (2021-2025) dengan lapan teras strategik dan 40 cadangan bagi menyediakan peluang untuk memperkukuhkan kedudukan Malaysia di arena antarabangsa.

Katanya, ia juga menangani perubahan struktur yang diperlukan untuk sektor eksport berkembang maju menerusi pengukuhan mudah cara perdagangan, logistik, pematuhan standard, akses pasaran, kemampunan, pen-



Ismail Sabri melancarkan Rangka Tindakan Perdagangan Nasional secara maya, semalam.

digitalan dan teknologi, pelaburan dan penjenamaan.

Cadangan itu, jelasnya, akan dilaksanakan oleh lapan kumpulan kerja yang terdiri daripada pakar dari sektor awam dan swasta.

"Rangka tindakan ini mencerminkan cita-cita jelas kerajaan untuk memajukan lagi kedudukan dan daya saing Malaysia dalam perdagangan antarabangsa.

"Paling penting, rangka tindakan itu ditetapkan untuk melengkapi dasar yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk mencapai sasarannya dengan cadangan yang jelas, boleh diambil tindakan dan lebih fokus," katanya pada pelancaran Rangka Tindakan Perdagangan Nasional yang diadakan

secara maya di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Lapan teras strategik rangka tindakan itu adalah mengukuhkan ekosistem eksport; melonjakkan kapasiti dan keupayaan pengeksport; meningkatkan kemampuan eksport; menggalakkan pertumbuhan eksport menerusi teknologi dan e-dagang; memudahkan cara dan meluaskan akses pasaran; mempromosikan barangan dan jenama tempatan; memacu pertumbuhan menerusi pelaburan dan kepelbagaian eksport dan menggalakkan kelestarian dan inovasi.

Ismail Sabri berkata, rangka tindakan itu juga melengkapkan dasar dan pelan induk lain, ke arah matlamat utama iaitu rangka kerja eksport yang lebih baik.

Beliau berkata, ia sejajar dengan landskap perdagangan dan keperluan komuniti perniagaan semasa.

Katanya, rangka tindakan itu memerlukan perbincangan dan pelaksanaan berkesanan terhadap cadangan yang digariskan untuk meningkatkan daya saing perdagangan.

"Saya percaya pelaksanaan rangka tindakan, yang melibatkan kerjasama dan komitmen yang jitu daripada pelbagai Kementerian, agensi dan sektor swasta dalam ekosistem perniaga-

an akan membawa kejayaan.

"Rangka tindakan ini akan meningkatkan daya saing perdagangan negara dan mengukuhkan kedudukan sebagai negara pengeksport terkemuka," katanya.

Ismail Sabri berkata, rangka tindakan itu juga seharusnya bertindak sebagai pemangkin untuk mengenal pasti sumber daya saing masa depan Malaysia, berdasarkan pada pemahaman yang tepat mengenai pasaran penawaran dan permintaan global dengan kerjasama yang seragam antara kerajaan dan sektor swasta.

Beliau berkata, sementara memberi manfaat kepada komuniti perniagaan Malaysia, rangka tindakan itu juga akan mempengaruhi rakyat secara positif.

"Selain menyokong agenda ekonomi yang sejajar dengan landskap sosial negara, teras utama dan cadangan rangka tindakan berusaha ke arah inklusif, agihan kekayaan yang adil, merapatkan jurang ketidaksamaan, meningkatkan kehidupan rakyat Malaysia, serta memberi kesan positif untuk negara menerusi generasi pendapatan tinggi," katanya.

Ismail Sabri juga melahirkan keyakinan bahawa Malaysia akan mencapai kemuncak baharu pengembangan ekonomi, dipacu pertumbuhan eksport yang kukuh dengan sokongan teguh ekosistem perniagaan serta komitmen dari semua pihak dalam rantaian nilai.



**KERATAN AKHBAR**  
**26 October 2021**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	'Bekas' Presiden POS buat laporan polis
Muka Surat	:	47

**Kemelut Persatuan Olahraga Selangor**

# 'Bekas' Presiden POS buat laporan polis

**Nafi dakwaan  
seleweng dana,  
sifatkan EGM  
tidak sah**

**Oleh Sukhairi Thani**  
sukhairi@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk SM Muthu membuat satu laporan polis berhubung dakwaan penyelewengan sebanyak RM110,000 ketika menyandang jawatan presiden Persatuan Olahraga Selangor (POS).

Tindakan itu dilakukan bagi membersihkan namanya selepas mesyuarat agung luar biasa (EGM) dianjurkan POS kelmarin membuat keputusan menyingkirkan beliau daripada jawatan presiden selain menarik semula keahlian seumur hidup susulan dakwaan berkenaan.

Begitupun, Muthu menegaskan EGM berkenaan adalah tidak sah dan melanggar peraturan perlembagaan POS selain dakwaan dilemparkan kepadanya itu adalah tidak benar.

Katanya, beliau sebaliknya berjaya membawa RM54,000

kepada persatuan dengan baki dalam akaun persatuan kini sudah mencecah RM180,000.

"Ini cubaan tidak bertanggungjawab dan berniat jahat untuk memburuk-burukkan nama baik saya," kata Muthu yang membuat laporan berkenaan di Balai Polis Dang Wangi, di sini, semalam.

"Ia (EGM) dilakukan kurang dua minggu daripada mesyuarat agung tahunan (AGM) yang sepatutnya diadakan pada 7 November ini supaya saya tidak lagi dipilih sebagai presiden POS untuk penggal 2021-2023.

"Mengikut perlembagaan POS, EGM tidak membenarkan pemecatan mana-mana pemegang jawatan melalui mesyuarat berkenaan seperti dilakukan oleh mereka sebelum ini (24 Oktober)."

Kelmarin, POS menyingkirkan Muthu daripada jawatan presiden persatuan itu dan menarik balik keahlian seumur hidupnya berkaitan dakwaan berlaku penyelewengan lebih RM100,000 daripada akaun simpanan tetap badan induk itu.

Keputusan terhadap Muthu

yang juga Presiden Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) dan dua lagi pegawai POS dibuat secara sebulat suara dalam EGM persatuan itu yang dihadiri 39 ahli.

Pengerusi bebas EGM yang dilantik, Mohamad Zufarsyah Mohamad Idrakisyah mendakwa penyelewengan itu membabitkan dana berjumlah RM110,000 daripada akaun simpanan tetap POS dan juga dana pembangunan yang diterima daripada Majlis Sukan Negeri Selangor.

Mengulas lanjut, Muthu yang sudah lebih 10 tahun bersama POS berkata: "Untuk pengetahuan, dana dalam akaun POS sememangnya tidak mencukupi. Saya banyak membantu POS dengan menyumbangkan wang sendiri demi pembangunan POS memandangkan sejak saya mengambil alih tugas presiden dana POS memang tidak mencukupi.

"Wang RM110,000 yang kononnya diseleweng itu saya gunakan untuk melabur dan mencari dana buat POS dan kini ia sudah menjangkau RM1800,000. Apa yang saya lakukan mengikut perlembagaan POS," katanya.



SM Muthu



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 26 October 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	'Kami bukan penceroboh, kami ada geran'
Muka Surat	:	1

### 'Kami bukan penceroboh, kami ada geran'

Oleh **ASLINDA NASIR**  
 aslinda.nasir@mediamalaka.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kira-kira 300 penduduk Kampung Melayu Bukit Tarek di Mukim Ulu Yam, Hulu Selangor menyangkal dakwaan penceroboh, sebaliknya mempunyai geran tanah untuk menduduki kawasan tersebut.

Setiausaha Jawatankuasa Bertindak Kampung Melayu Bukit Tarek, Shamsiah Mohamad berkata, beliau dan semua penduduk memiliki geran mendiami kawasan itu sejak 2004 ketika Selangor di bawah pentadbiran bekas Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo.

"Kita bukan penceroboh atau duduk di tanah haram, tanah yang kita duduki ini adalah tanah kita, kita ada geran. Geran ini kami peroleh secara sah sejak 2004."

**Bersambung di muka 4**

### 'Kami bukan penceroboh, kami ada geran'

#### Dari muka 1

Usaha itu tergantung sampai hari ini," katanya.

Kampung Melayu Bukit Tarek terletak di Mukim Ulu Yam, Hulu Selangor berkeluasan 850 ekar dengan menempatkan 60 buah penempatan di mana penduduknya belum menikmati kemudahan asas seperti elektrik, air dan jalan raya hampir 30 tahun lamanya.

Walaupun kedudukannya berhampiran Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), penduduk di situ masih melalui kehidupan menggunakan generator, bateri kereta dan panel solar untuk bekalan elektrik sementara air hujan pula untuk kegunaan harian.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, pemilik lot kebanyakannya adalah bekas kakitangan kerajaan seperti anggota polis, tentera, pesara, dan pegawai kerajaan.

Isu Kampung Melayu Bukit Tarek dilihat semakin rumit apabila Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari kelmarin berkata, penempatan tanpa kemudahan asas sejak

30 tahun lalu didakwa terletak dalam kawasan hutan simpan di daerah berkenaan.


"Kerajaan sudah semestinya mahu membantu penduduk kampung terabit tetapi sebelum itu, kita perlu tahu status sebenar tanah kawasan itu.

"Laporan awal yang saya terima berhubung status tanah lokaliti (kawasan kampung tersebut) adalah bukan tanah hak milik, sebaliknya kawasan hutan simpan," kata Amirudin.

Mengulas lanjut isu tersebut, Shamsiah berkata, penduduk Kampung Bukit Tarek memperoleh tanah tersebut pada 1989 ketika di bawah pentadbiran Muhammad Taib, kemudian pengeluaran Permohonan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) dibuat pada November 2001.

"Muhammad Taib yang beri tanah ini kepada kami, dan perolehan geran pada 2004 dibuat semasa zaman Mohamad Khir.

"Jadi, adakah Menteri Besar sekarang nak cakap kita ini penceroboh kah? Duduk di tanah haram?" soalnya.



**GERAN yang dimiliki penduduk menjadi bukti mereka menduduki Kampung Bukit Tarek secara sah.**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**26 October 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Cuepacs mahu Adun Kota Kemuning memohon maaf
Muka Surat	:	20

## Cuepacs mahu Adun Kota Kemuning memohon maaf

**Shah Alam:** Tindakan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kota Kemuning V Ganabatirau yang mengeluarkan kata-kata kesat terhadap kakitangan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) baru-baru ini dianggap sangat keterlaluan, seolah-olah merendahkan penjawat awam yang sedang bertugas.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Adnan Mat ber-

kata, pihaknya terkilan dengan tindakan Adun itu yang disifatkan tidak profesional dalam tugasnya, apatah lagi video yang tular itu dimuat naik sendiri oleh beliau tanpa diketahui niat atau tujuan sebenar manakala penjawat awam yang terbabit dalam kejadian itu dilihat tidak diberi peluang membuat apa-apa penjelasan.

Justeru, katanya, Cuepacs mendesak Ganabatirau yang juga Pengerusi Jawa-

tankuasa Tetap Pemberdayaan, Pembangunan Sosio Ekonomi dan Kerajaan Prihatin Selangor membuat permohonan maaf secara terbuka kepada semua penjawat awam terutama kakitangan JPS berkenaan.

“Cuepacs juga mahu Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari masuk campur dalam perkara ini supaya kejadian sama tidak berulang,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**26 October 2021**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Isu serang staf JPS: Ganabatirau minta maaf
Muka Surat	:	15

## Isu serang staf JPS: Ganabatirau minta maaf

**SHAH ALAM** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Kemuning, V Ganabatirau tampil memohon maaf berikutan satu video tular pada Sabtu yang memaparkan beliau meninggikan suara kepada kakitangan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor.

Kejadian tersebut berlaku ketika beliau meninjau kawasan banjir di Taman Sri Muda, pada Sabtu.

Beliau menerusi satu sidang media yang dibuat di pejabatnya di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini mengakui tidak bermaksud untuk meninggikan suara kepada kakitangan berkenaan.

Sementara itu, Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) terkilan dengan tindakan Ganabatirau yang disifatkan tidak profesional.

Presiden Cuepacs, Adnan Mat menganggap tindakan Ganabatirau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Kemuning mengeluarkan kata-kata kesat serta suara tinggi terhadap penjawat awam sangat keterlaluan.

“Sebagai anggota pentadbiran yang turut bersama terlibat dalam urusan pentadbiran kerajaan negeri, beliau sewajarnya menyelesaikan permasalahan yang timbul menerusi rundingan secara terus dengan Jabatan Pengairan Saliran (JPS) Negeri,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Adnan berkata demikian bagi mengulas video tular di media sosial didakwa membabitkan Ganabatirau yang memaki-hamun kakitangan JPS.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 October 2021**

Akhbar	:	Astro Arena
Tajuk Berita	:	Kerja Naik Taraf Stadium Dijangka Siap Seawal Tahun 2024
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>26 October 2021</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Improving exports of merchandise
Muka Surat	:	2

# Improving exports of merchandise

Blueprint to enhance Malaysia's competitiveness

## ECONOMY

By THOMAS HUONG  
 huong@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** The newly launched National Trade Blueprint (NTB) by Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob aims to position Malaysia as a dynamic and pre-eminent trading nation through sustainable export development.

This will support the realisation of the country's export target of RM1,252 trillion in 2025 as set by the 12th Malaysia Plan (12MP).

According to Ismail Sabri, the NTB outlines a five-year (2021-2025) development strategy and initiatives to enhance Malaysia's trade competitiveness, specifically in the exports of merchandise.

"The blueprint will elevate the nation's trade competitiveness and strengthen its position as a leading export country."

"It reflects the government's clear ambitions to further develop Malaysia's position and competitiveness in international trade."

"More importantly, this blueprint is set to supplement the policies outlined in the 12MP towards meeting its targets with clear, actionable, and focused recommendations," said Ismail Sabri in his speech during the online launch of the NTB yesterday.

The blueprint will also affect the people in a positive manner, he said, adding that besides advocating an economic agenda that is aligned with the nation's social landscape, the blueprint's key thrusts and recommendations strive towards inclusivity, fair distribution of wealth, narrowing of inequality gaps, elevating livelihood of Malaysians, as well as providing positive impacts for the nation through higher income generation.

The NTB was developed by Malaysia External Trade Development Corp (Matrade) under the purview of the Ministry of International Trade and Industry (MITI) to increase Malaysia's trade through an improved business ecosystem.

The blueprint's framework is guided by four strategic priorities, three strategic themes

**"This blueprint is set to supplement the policies outlined in the 12MP towards meeting its targets with clear, actionable and focused recommendations."**

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob

and eight strategic thrusts with 40 recommendations to improve and enhance Malaysia's trade competitiveness.

Among the specific areas under the ecosystem covered by the NTB are trade facilitation and logistics, standards and conformance, trade promotion and market access, sustainability and innovation, digitalisation and technology as well as investment and branding.

The four strategic priorities include increasing exporting companies by uplifting the capabilities of small and medium-sized enterprises (SMEs) and encouraging them to be part of global value chains, and also increasing high value exports by looking into ways of exporting more high value export goods and, improving Malaysia's current offerings, as well as diversifying export products by moving into other non-commodity export products, specifically high value niche products, through intensive promotional activities.

The fourth strategic priority is to improve the export ecosystem by ensuring that export activities can be carried out efficiently - this includes removing red tapes and barriers faced by exporters, as well as forging stronger partnerships between all stakeholders within the ecosystem.

Each strategic thrust will pursue a set of key strategies according to the specific areas to fulfill its strategic aim.

A number of action plans are identified that will facilitate and enhance trade competitiveness throughout the business ecosystem.

The development of the blueprint took one year to complete and involved participation

from both public and private sectors. To implement and monitor the recommendations, eight working groups (WGs) have been formed according to their specific areas within the ecosystem.

For efficiency, these WGs shall report to the existing Export Co-ordination Committees chaired by the Chief Secretary to the government.

Meanwhile, Matrade said in a statement that the need for the NTB was driven by various export concerns, including the country slipping from 18th in 2004 to 24th in 2020, in the global export ranking.

"From a regional perspective, the decline in global export ranking saw Thailand and Vietnam overtaking Malaysia."

"Although Malaysia's export is growing, it is not as fast as other countries," said Matrade.

Another concern was the lack of efficiency amongst ecosystem players and its governance, with fragmented focus in export-related efforts, which has hindered the efficiency of Malaysia's export ecosystem.

Matrade noted that as for the Global Competitiveness Index, Malaysia has also dropped from 22nd in 2018 to 23th in 2021, mainly due to weaker performance in the aspects of skills, finance and business dynamism.



Watch the video  
 TheStarTV.com

» TURN TO PAGE 2

### » FROM PAGE 1

"Capitalising on trends that are shaping the global market landscape is crucial for Malaysia to stay relevant. It is therefore important for us to have the necessary information to stay ahead in exports," Matrade pointed out.

Meanwhile, SMEs' contribution to exports has been low (8.5% in 2020 in terms of goods) and the high dependence on foreign direct investment to drive exports, recorded at 74.1% in 2019, could also lead to exports' vulnerability.

Matrade pointed out that the country's

experts require a clear, targeted and impactful action plans that tackle immediate priorities, while building upon Malaysia's existing strengths and opportunities.

There is also a need to strengthen the foundation of the export ecosystem and improve its efficiency through proactive collaborations, and builds capacity by pursuing innovation and gains flexibility and resilience through diversification and market access.

The NTB is applicable to all sectors and industries in merchandise, addressing various concerns throughout the export ecosystem in a holistic manner.

Senior minister and Min minister Datuk Seri

Mohamed Azmin Ali said, "It is heartening to note the synergies between the public and private sectors in pooling their resources to formulate this valuable document as we continue working to propel the nation's economy."

Azmin added that despite the adverse impact caused by the Covid-19 pandemic last year, Malaysia's trade for the first eight months of this year grew by 22.9% to RM1,407 trillion, compared to the same period in 2020.

Exports increased by 24.9% to RM778.49bil and imports rose by 20.4% to RM628.29bil. Trade surplus surged by 48.2% to RM150.2bil.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**26 October 2021**

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	RECYCLING CENTRE
Muka Surat	:	3

## RECYCLING CENTRE

Petaling Jaya City Council's (MBPJ) PJ Eco Recycling Plaza in SS8 accepts recyclable and reusable items such as electrical and electronic goods, sporting goods, paper, plastic, aluminum, polystyrene and clothing. It is open Tuesdays to Fridays, from 8am to 5pm and weekends, from 9am to 1pm. It is closed on Mondays. For details, call 03-7865 8042/8043/8049.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>26 October 2021</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Hulu S'gor all set for further growth
Muka Surat	:	5

# Hulu S'gor all set for further growth

**MB: With its new municipal status, MPHS making strides in becoming nation's transport manufacturing hub**

By **AIDA AHMAD**  
 aidaahmad@thestar.com.my

HULU Selangor is poised to become Malaysia's transport manufacturing hub, says Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

He said the existing industrial clusters were the biggest contributors, comprising 60.5% out of total investments for the industrial sector in Hulu Selangor.

Amirudin said the population of Hulu Selangor now was about 237,600.

"Hulu Selangor has made big strides by intensifying development and progress in all areas in line with Selangor's mission in 'Sustaining Development and Prosperity Symmetrically, Smart and Caring for the People'," he said at the launch of the virtual ceremony to commemorate the upgrade of Hulu Selangor District Council to Hulu Selangor Municipal Council (MPHS) this year with an official

declaration by Selangor Ruler, Sultan Sharafuddin Idris Shah on Oct 21.

Aside from the name change, the municipal council also unveiled its new logo.

A virtual ceremony was held via MPHS' YouTube channel and Facebook Live.

The district council was formed on Jan 1, 1975, carved out from the then Asam Kumbang Local Council and Kalumpang Local Council.

MPHS's administration area covers Hulu Bernam, Kalumpang, Kerling, Kuala Kubu Baru, Rasa, Batang Kali, Hulu Yam, Serendah, Sungai Choh, Bukit Beruntung, Bukit Sentosa, Sungai Buaya and Lembah Beringin.

Hulu Selangor, which spans over 175,630ha, is also the largest district in Selangor — almost 22% of the entire state.

Kuala Kubu Baru is the administrative centre for Hulu Selangor and was recognised as the First Planned City in Malaysia and First



An aerial view of Kuala Kubu Baru, the municipal council's administrative centre.

Garden City in Asia.

Amirudin added that the industrial sector was one of the major contributors to Selangor's economy.

"In line with that, the Selangor Structure Plan 2035 has clustered industrial areas according to the capabilities and potential of the existing industrial zones.

"The two clusters proposed in Hulu Selangor are the automotive and support industry cluster in the lower Choh-Bukit Beruntung river known as the National Automotive Hub and selected 'Clean Industry' clusters in the Beringin-Bernam Jaya valleys."

Revealing the early history of Hulu Selangor, Amirudin said tin ore was a major product in the district with the opening of major cities and towns based on tin ore activities such as Serendah, Kuala Kubu and Rasa.

"An event in 1883 known as the Kuala Kubu Sinking Tragedy took place when sinking occurred due

to the rupture of a dam in Sungai Kubu.

"The dam was built for tin ore activities that was actively carried out in Kuala Kubu, and the incident had sunk the entire city of Kuala Kubu," he said.

He revealed that the British at the time ordered Charles Compton Reade, the first government town planner in the Federated Malay States, to redesign the new administrative centre for Hulu Selangor district.

"Reade had designed a new administrative centre based on the Garden City concept pioneered by Sir Ebenezer Howard.

"The new town of Kuala Kubu was renamed Kuala Kubu Baru in 1930.

"On Jan 1, 1975 Hulu Selangor District Council was entrusted as the development authority in Hulu Selangor."

Earlier in his speech, MPHS president Mohd Hasry Nor Mohd said

in line with the Hulu Selangor District Local Plan Development Goals 2035, six key initiatives had been outlined to make Hulu Selangor a sustainable, liveable and resilient place.

The initiatives are conservation of heritage and natural resources; sustainable community environment; application of the Smart Development concept; road communication system and efficient infrastructure; attractive investment package offerings to generate an urban economy that can provide sufficient employment opportunities to accommodate population growth by 2035; and effective and competitive human capital development.

"The Selangor North Gate Development Vision is our aspiration for the future of Hulu Selangor and it is in line with the Hulu Selangor District Local Plan 2035 aim to have a population of 500,000 by 2035," concluded Mohd Hasry.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>26 October 2021</b>		
Akhbar	:	China Press
Tajuk Berita	:	Workers clean up daily but the unscrupulous like to throw it away, the entrance to the park is not a rubbish dump
Muka Surat	:	12

錫米山湖邊休閒公園

今日 精彩 大城事



■跑道山坡上也有堆垃圾。



■魏子權檢查公園入口處的垃圾堆。

## 工人每天清掃缺德者卻亂丟

# 公園入口不是垃圾場

■垃圾堆里還有舊輪胎。



■錫米山湖邊休閒公園美化後，成了民眾休閒透氣的地方。



**報導 ◆ 林雁芳**

(加影25日訊)錫米山湖邊休閒公園自美化後，加影市議會承商清潔工人每天清掃公園，把公園照顧得乾乾淨淨，無奈有自私的村民，將垃圾丟到公園入口處！

加影市議會在2018年耗資130多萬令吉提升這座湖邊休閒公園，公園自去年7月1日開放讓民眾使用後，成了錫米山和加影地區著名休閒公園，每逢周末吸引大批民眾前來運動休閒。

**將發垃圾傳票**

無奈近期有人開始不定时在公園入口處倒垃圾，糟蹋了美化後的公園。

《中國報》記者今早和錫米山新村副村長魏子權一起巡視該公園時，在入口處發現一堆垃圾，當中有廢棄的舊車胎、食物包裝盒和園藝垃圾；公園跑道旁的山坡也有一堆垃圾。

魏子權說，市議會承商工人每天早上都有打掃公園，因此公園已十分整潔，只可惜有自私的村民不珍惜，把自家垃圾扔到公共地方。

他指出，被扔在公園入口處的椰子樹葉和舊輪胎，村委會已知道是哪一家的垃圾，市議會官員將到場調查，並發出傳票給垃圾車。

“湖邊公園在美化後已很乾淨，現在每逢周末很多新村以外的居民到來休閒和運動，我們不希望被人破壞。”

他透露，這家自私的村民之前也曾放火燒垃圾引起火患，被消防員警告後，現在不敢燒，但還是會丟垃圾。

魏子權建議，湖邊公園的跑道僅供民眾跑步和騎腳車，但常常有一群印裔居民騎摩哆進入公園和跑道，威脅公園內民眾的安全。

他說，雖然公園外有告示牌禁止摩哆駛入，但那些民眾漠視有關指示，他將向加影市議員顏麗

■跑道設有欄杆，禁止摩哆駛入。

**魏子權建議封鎖摩哆入口**

進入的入口。

他也提醒民眾，為了安全著想，避免到湖邊釣魚，以免失足發生意外。

“到公園休閒的民眾，請遵守防疫標準作業程序，戴上口罩和保持人身距離。”



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>26 October 2021</b>		
Akhbar	:	Sin Chew Daily
Tajuk Berita	:	Leong Tuck Chee team joints with fire brigade regularly inspect fire hydrants in Pandamaran village
Muka Surat	:	7

# 梁德志團隊聯合消防隊 定期檢查班村消防栓



消防员检查消防栓是否处于良好的状态，包括有没面对水压问题。



→梁德志（左）亲自检查消防栓，确保运作完好。

（图取自梁德志脸书）

（巴生25日讯）行动党班达马兰州议员梁德志与巴生港口消防局的团队，昨日检查班村消防栓以确保处于良好的使用状态。

梁德志受询时指出，班村内还有许多民宅是属于木屋，一旦发生火患时，容易迅速蔓延。

为了避免村内的消防栓在发生火患时无法使用而影响救援，所以必须定期检查消防栓。

“彭亨州加叻新村日前发生严重火灾时，因水压问题影响消防栓面对水压不足，影响火灾救援行动，所以为未雨绸缪，我们必须确保村内的消防栓都能正常

使用。”

## 盼将15消防栓移至路面

他说，他接获村民投诉指班村大街的消防栓出现水压问题，而班村第2区的消防栓也不翼而飞，所以今次的检查活动主要是针对这两地，不过消防员也会陆续检查村内其他的消防栓。

“根据消防局提供的资讯，村内共有157个消防栓，其中15个是属于地底下消防栓，但消防局希望可以将这15个消防栓移至路面，方便日后的救援工作。”

他说，消防局曾向雪州水务管理公司反映，不过迄今都未有任意的下文，为此他将协助争取

有关要求。

同时，经过检查大街的消防栓后，消防局已证实并没有问题。根据记录，班村第2区没有安装消防栓，但消防局还是会再和雪州水务管理公司确认。

## 允继续检查消防栓

他说，消防局也告诉他已粉刷村内的消防栓，但他认为全面展开检查消防栓，确保消防栓能正常使用才是最重要的，所以该局承诺会继续检查其余的消防栓。

在场者包括班村管委会主席柯金胜、巴生市议员谢秀及洪建华等人。



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>26 October 2021</b>		
Akhbar	:	Nanyang Siang Pau
Tajuk Berita	:	Participation welcomed for MDKL's Ops Gagak
Muka Surat	:	2

## 瓜冷市会灭鸦行动欢迎参加

(瓜冷 25 日讯) 瓜拉冷岳市议会将于本月 31 日 (星期日) 举办“瓜冷县灭鸦行动”，并获瓜冷警区总部协办，欢迎有兴趣者从速报名。

瓜冷县内乌鸦的数量不少，经常干扰到社区居民，甚至引发环境卫生问题，令人烦不胜烦，为此，主办单

位经拟出以下“灭鸦行动”地点，届时盼区内居民切勿惊慌。

“灭鸦行动”地点范围包括：万津 (公共巴刹、农业市场及住宅区收集垃圾处)、斯里益山城镇 (Bandar Seri Ehsan)、绍嘉纳太子城 (Bandar Saujana

Putra)、直落昆仑、冷岳慕尼花园 (Taman Langat Murni)、奥拉冷必 (Olak Lempit)、乡区甘榜 (垃圾收集处)、双溪嘉隆新村 (公共巴刹及住宅区)、马哥打皇冠城、奥拉冷必家私村 (Komplek Perabot Olak Lempit)、武吉章港 (Bukit Changgang)、丹绒士拔 (公共巴刹及住宅区)、林峇尤镇 (Bandar Rimayu)、Tropicana Aman、Ecoworld、直落邦里马加朗大巴刹、瓦嘉路工业区、直落邦里马加朗苏亚沙路美食中心后面 (Belakang Medan Selera TPG Jalan Suasa)、拉惹哇丽路 (Jalan Rajawali)、昔江港 (Sijangkang)。

任何疑问或欲报名参加者，请联络瓜冷市议会发展规划组：03-3187 2825。



瓜冷市议会本月 31 日举办灭鸦行动宣传招贴，欢迎有兴趣者报名参加。